

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JUN 2023
AKHBAR : ASTRO AWANI
PAUTAN : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/padu-diguna-pakai-tahun-depan-perkemas-pelaksanaan-subsidi-bersasar-425030>

PADU diguna pakai tahun depan, perkemas pelaksanaan subsidi bersasar



Hanifah Hajar berkata semua maklumat itu akan diproses bersama dalam sistem API dan kemudian maklumat isi rumah akan dimasukkan ke Pangkalan Data Negara dan boleh diakses oleh penganalisis sektor awam. - Fail/Bernama

KUALA LUMPUR: Pangkalan Data Utama (PADU) yang diwujudkan bagi menggabungkan maklumat sosio ekonomi bagi setiap isi rumah di negara ini dalam usaha memperkemaskan pelaksanaan subsidi bersasar akan mula diguna pakai tahun depan.

Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Hanifah Hajar Taib berkata semua maklumat itu akan diproses bersama dalam sistem API dan kemudian maklumat isi rumah akan dimasukkan ke Pangkalan Data Negara dan boleh diakses oleh penganalisis sektor awam.

"Kemudiannya, kerajaan dalam perancangan untuk (turut) memberikan akses kepada badan bukan kerajaan dan akademia selepas data isi rumah itu melalui tapisan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Seri Zurainah Musa yang ingin tahu cara-cara penambahbaikan penyasaran kategori T20, M40 dan B40 yang akan dilaksanakan oleh Pangkalan Data Utama (PADU).

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 15 Mei berkata pelaksanaan PADU itu diputuskan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang akan menggabungkan sebanyak mungkin maklumat sosio ekonomi bagi setiap isi rumah yang dapat membantu kerajaan menggubal dasar dan menyasarkan subsidi.

Beliau berkata menerusi PADU juga kerajaan dapat mengenal pasti ketirisan yang wujud sekali gus menambah baik pelaksanaan sistem subsidi kepada golongan sasaran.

-- BERNAMA